

# Berita Manmin

NO. 25 4 JUN 2023

## Ulang Tahun ke-11 Gereja Manmin Colombia, Ibadat atas talian bersama Pastor Mikyung Lee



Pada pukul 9:00 pagi pada hari Isnin, 1 Mei (7:00 petang waktu tempatan di Korea pada hari Ahad, 30 April), Pastor Mikyung Lee, Presiden Persatuan Pastor menjadi pengkhutbah jemputan bagi ibadat ulang tahun ke-11 Gereja Manmin Colombia. Ibadat itu disiarkan secara langsung menerusi Zoom, YouTube dan Facebook dengan peserta dari 14 buah negara termasuklah Peru, Venezuela, Honduras, Mexico, Ecuador, Sepanyol, Amerika, Kanada, El Salvador, Bolivia, Chile, Argentina dan Brazil.

Pastor David Jeongyeon Jang mempengaruhi ibadat ulang tahun manakala kumpulan Kemuliaan Syurgawi dari Gereja Manmin Colombia dan Diaken Seungwon Seo menyampaikan lagu puji khas dan persembahan. Pastor Mikyung Lee menyampaikan khutbah yang bertajuk ‘Mempunyai Impian dan Menggenapinya’ (Kejadian 13:14-18). Selepas itu, Pastor Lee berdoa untuk orang sakit dengan saku tangan kuasa Tuhan (Kisah Rasul-rasul 19:11-12) lalu ramai orang memuliakan Tuhan dengan kesaksian kesembuhan

mereka.

Gereja Manmin Colombia menyiaran ibadat dan perjumpaan doa mereka secara langsung menerusi YouTube dan Facebook. Ramai orang di Amerika Tengah/Selatan dan negara-negara berbahasa Sepanyol mengikutinya bersama-sama. Pada masa ini, terdapat 20 gereja cawangan dan banyak gereja rakan kongsi. Khutbah Pastor Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan, juga disiarkan menerusi Enlace TV – sebuah rangkaian televisyen berdasarkan Kristian Amerika Latin.



## Ulang Tahun ke-36 Berita Manmin

*Berita Manmin* sedang meraikan ulang tahunnya yang ke-36. Edisi pertama diterbitkan pada 17 Mei 1987 untuk menyebarkan injil ke seluruh dunia dan untuk memimpin ramai jiwa kepada keselamatan.

Edisi bahasa Inggeris diterbitkan pada tahun 1991 dan laman sesawang Manmin News ([www.manminnews.com](http://www.manminnews.com)) bermula pada tahun 2012. Melalui ini, injil kesucian telah tersebar ke seluruh dunia dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa

Inggeris, Cina, Sepanyol, Portugis, Melayu, Urdu, Sinhala, dan Hindi.

*Berita Manmin* telah membantu pertumbuhan iman orang Kristian dan menyebarkan kasih Tuhan, injil Yesus Kristus, dan kuasa Roh Kudus dengan kandungannya seperti kesaksian iman orang Kristian, berita misionari dari dalam dan luar negara, serta artikel khas mengenai kehidupan Kristian.

## Sambutan Hari Ibu Bapa dan Hari Kanak-kanak



Pada pukul 11:00 pagi pada hari Khamis, 4 Mei, Persatuan Diaken Kanan Wanita telah menganjurkan ‘Acara Hari Ibu Bapa 2023’ untuk warga emas yang berusia lebih 70 tahun.

Dalam acara tersebut, Diaken Kanan Songsook Lee mengetua i pujian persediaan manakala Diaken Kanan Nanyoung Cha menyampaikan ucapan alu-aluan. Kemudian, Pastor M i k y u n g L e e , Presiden Persatuan Pastor, menyampaikan khutbah dan berdoa.

Acara diteruskan dengan persembahan perayaan yang dimulai oleh Diaken Kanan Jinhee Kim, juga tarian kipas dan gendang tradisional oleh Diaken Kanan Myeongsook Lee serta nyanyian lagu ‘Hati Bapa’ oleh kumpulan Happiness Ukulele. Warga emas yang hadir dipenuhi rahmat dan kegembiraan. Mereka juga menerima

makanan tengah hari dan hadiah perpisahan.

Pada pukul 1:00 petang pada hari Ahad, 7 Mei, ‘Acara Hari Kanak-kanak 2023’ disiarkan secara langsung menerusi YouTube. Dalam acara tersebut, Saudara Geonhu Na menyampaikan doa perwakilan, Saudari Yena Park membaca Firman Tuhan dan Kumpulan Persembahan Kanak-kanak menyampaikan persembahan khas. Selepas itu, Pastor Seongsik Jang, Pengetua Sekolah Minggu Kanak-kanak, menyampaikan khutbah yang bertajuk ‘Tuhan Melihat Hati’ (1 Samuel 16:7).

Selepas ibadat itu, di bawah tajuk “Tuhan Mengasihi Saya” ramai kanak-kanak memberikan pelbagai kesaksian penuh iman termasuk perlindungan daripada pelbagai kemalangan dan kesembuhan daripada radang paru-paru dan penyakit kulit. Kanak-kanak yang menghadiri ibadat tersebut juga menonton video sorotan aktiviti pada tahun semasa dan mengenang kasih Tuhan Yesus yang telah hadir bersama mereka.

Dari pukul 1:30 petang, Puan Boknim Lee, Presiden Pusat Doa Manmin memimpin Perjumpaan Doa Kepenuhan Roh Kudus. Kanak-kanak dan anggota keluarga mereka yang hadir bertaubat dan dipenuhi oleh Roh Kudus.



Khas

## Jenis orang yang tidak menyunatkan hati

### Mereka mengerang sambil makan roti rohani

Apabila mereka menerima Yesus Kristus sebagai Penyelamat mereka, orang Kristian yang baru dipenuhi kegembiraan dan kebahagiaan kerana masalah dosa mereka telah diselesaikan dan mereka menerima Roh Kudus. Namun begitu, dalam proses menyunatkan hati mereka, mereka mungkin berdoa dengan erangan kerana mereka gagal untuk bertindak menurut Firman Tuhan walaupun mempunyai pengetahuan tentang Firman.

Mereka juga mungkin berdoa dengan erangan untuk menjadi manusia rohani (Roma 7:24). Adalah penting untuk mati setiap hari untuk menyingkirkan ‘diri’ dalam mencapai ukuran penuh Kristus. Namun begitu, ada orang yang hidup menurut cara badani dan mendukacitakan Roh Kudus di dalam diri mereka dan justeru itu mengerang dalam kesengsaraan. Mereka mesti segera berpaling dan mengikuti keinginan Roh Kudus untuk memenuhi hati mereka dengan kegembiraan, syukur, dan harapan untuk syurga.

### Mereka bersikap negatif dan takut

Orang yang mempunyai

ketakutan dan perspektif negatif dalam kehidupan Kristian mereka cenderung untuk mempunyai banyak kekhawatiran. Mereka sering mempunyai pemikiran negatif dalam kehidupan sehari-hari atau masih mempunyai sifat berdosa yang tersisa di dalam hati sehingga mereka menganggap Tuhan ialah hakim dan bukannya Bapa yang mengasihi dan mengampuni.

Sebab orang Kristian berasa takut adalah kerana mereka gagal untuk hidup dalam kebenaran. Apabila mereka mendengar dan mentaati Firman Tuhan, Roh Kudus bersukacita dan hati mereka dipenuhi kegembiraan dan juga harapan. Namun begitu, ketakutan menimpah mereka apabila mereka tidak bertindak berdasarkan pengetahuan mereka tentang Firman Tuhan. Orang yang bijak dengan cepat dapat menyedari kesalahan dan berpaling, bertaubat, dan cuba untuk hidup menurut Roh Kudus.

### Mereka menghakimi dan mengcam

Orang yang suka menghakimi orang lain sering menyebarkan gosip, dan mereka berasa kecewa memikirkan keadilan belum dilaksanakan apabila pesalah tidak dihukum. Jika orang yang melakukan kesalahan dipuji tanpa disangka-sangka, mereka berasa tawar hati. Apabila mereka mendengar gosip tentang orang lain, mereka memfitnah orang itu. Apabila orang itu dihukum, mereka berasa puas hati.

Mereka tidak akan berbuat demikian jika ‘orang lain’ ialah anggota keluarga mereka. Sudah

tentu adalah tidak betul untuk menutup dosa seseorang dengan tidak bersyarat. Seperti yang tertulis dalam Matius 18:15-17, mereka harus terlebih dahulu memberikan amaran peribadi kepada orang yang berdosa dan jika orang itu tidak mahu mendengar, mereka membawa satu atau dua orang bersama-sama; dan jika orang itu masih tidak mahu mendengar, mereka memberitahukannya kepada gereja.

### Mereka tidak mempunyai kedamaian, ketenangan atau ketenteraman

‘Tiada kedamaian’ bermaksud bahawa adanya terlalu banyak kekhawatiran. Oleh sebab mereka tidak bergantung kepada Tuhan, mereka cuba melakukan segalagalanya secara sendiri, yang bermaksud bahawa Tuhan tidak dapat membantu mereka. Hal ini membawa kepada kesusahan dan kekhawatiran, tiada kedamaian di dalam hati.

Tanpa harapan untuk syurga, mereka mempunyai keterikatan yang berlarutan dengan dunia ini. Dengan tembok dosa dan pemikiran badani, mereka tidak dapat berdoa dengan tumpuan sehingga mereka hilang kepenuhan Roh Kudus dan tidak mempunyai kedamaian.

Roh Kudus bersukacita dan kita dipenuhi oleh Roh apabila kita hidup dalam kebenaran dengan pengetahuan tentang Firman Tuhan. Oleh itu, kekhawatiran meninggalkan kita dan kita dapat menjalani kehidupan yang berjaya dengan damai apabila jiwa kita makmur. Kita dapat menikmati ketenangan yang sejati dan kerajaan Tuhan berada di dalam diri kita.



## Makan Tubuh dan Minum Darah Anak Manusia (2)

“Yesus berkata kepada mereka, ‘Apa yang Aku katakan ini benar: jika kamu tidak makan tubuh Anak Manusia dan minum darah-Nya, kamu tidak akan benar-benar hidup...Tubuh-Ku ini makanan sebenar dan darah-Ku ini minuman sebenar’” (Yohanes 6:53-55).

Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

Untuk mengekalkan kehidupan fizikal, seseorang perlu mengambil makanan dan kekal terhidrat. Air membolehkan pencernaan dan penyerapan nutrien serta pembuangan bahan buangan dan bahan beracun yang tidak diperlukan dari dalam tubuh. Walaupun kita telah menerima Yesus Kristus, menerima Roh Kudus dan menjadi anak-anak Tuhan, hidup yang kekal kita peroleh hanya apabila kita makan tubuh dan minum darah Anak Manusia.

Bagaimanakah kita dapat makan tubuh dan minum darah Anak Manusia? Bersambung daripada keluaran yang lepas, marilah kita mendalami perkara tersebut.

### 1. Kita Perlu Membuat Roti daripada Tubuh Anak Manusia

Makan tubuh Anak Manusia dan justeru itu membuat roti daripadanya memerlukan kita untuk juga minum darah Anak Manusia. Dengan kata yang lain, kita bukan sahaja hanya membina pengetahuan kita tentang Tuhan dengan tekun mendengar dan membaca Firman Tuhan malah kita juga harus membuat roti daripada Firman supaya ia akan terukir di dalam hati kita. Oleh itu, apakah perbezaan antara “membuat roti daripada Firman Tuhan di dalam hati” dan “membina dan menyimpan Firman-Nya sebagai pengetahuan”?

Sebarang maklumat yang tersimpan di dalam otak dapat dilupakan. Hanya kerana kita “mengetahui” kebenaran tidak semestinya menjamin bahawa kita akan bertindak mengikut kebenaran. Semasa membaca Alkitab, kita bukan sahaja harus menghafal ayat-ayat itu dengan mulut kita tetapi juga berusaha untuk merenungkannya. Sebagai contoh, jika kita menghafal ayat Matius 5:44 yang menyatakan, “Kasihilah musuh kamu dan berdoalah bagi orang yang menganiaya kamu”, kita harus mampu untuk mempraktikkannya dalam kehidupan kita.

Apabila seseorang melakukan kejahatan dan menganiaya kita, menurut Firman Tuhan kita dapat untuk mengasihinya bahkan berdoa untuknya. Jika kita menyimpan perintah Tuhan di dalam kepala kita sebagai pengetahuan semata-semata, hati kita akan

gelisah dan kita mungkin akan membenci orang lain dan akhirnya membalaik kejadian dengan kejadian. Namun begitu, jika kita membuat roti daripada perintah khusus ini, kasih dan belas kasihan akan terpancar dari dalam diri kita dan kita akan bebas daripada kebencian dan kemarahan. Apabila kita terus-menerus membuat roti daripada kerendahan hati, kita akan menyingsirkan keangkuhan.

### 2. Kita Harus Minum Darah Anak Manusia Bersama-sama

Membuat roti daripada Firman Tuhan bukan sekadar memerlukan kita memahami Alkitab dengan ilham Roh Kudus malah juga menerima rahmat dan kekuatan Tuhan melalui doa yang sungguh-sungguh. Pada peringkat ini, usaha setiap individu untuk mempercayai Firman dengan betul dan mempraktikkannya juga perlu. Ini ialah tindakan minum darah Anak Manusia.

Oleh itu, “minum darah Anak Manusia” merujuk kepada mempraktikkan Firman Tuhan. Firman Tuhan terbahagi kepada empat kategori iaitu “Simpan”, “Singkirkan”, “Lakukan” dan “Jangan Lakukan”. Kita perlu menyimpan dan mentaati setiap satunya.

Tanpa perbuatan ketaatan, kita tidak akan mengalami kerja Tuhan dan tanpa pengalaman kerja Tuhan secara langsung, kita tidak akan dapat melangkaui iman yang sekadar pengetahuan. Yakobus 2:22 menyatakan, “Kamu tidak nampakkah bahawa Abraham menunjukkan imannya dengan perbuatannya? Oleh itu, iman Abraham menjadi sempurna.” Hanya apabila kita menunjukkan perbuatan iman kita kepada Tuhan barulah iman sebagai pengetahuan akan berubah menjadi iman rohani.

Walaupun iman seseorang pada mulanya sekecil biji sawi, namun apabila dia berterusan menunjukkan perbuatan imannya kepada Tuhan, Tuhan akan membenarkan dia untuk mengalami rahmat dan kuasa-Nya serta bekerja untuk memupuk imannya menjadi iman yang besar. Apabila kita percaya kepada Firman Tuhan dan mempraktikkannya pada setiap

saat dalam kehidupan kita, kita akan menjadi “matang dan sempurna seperti Kristus” (Efesus 4:13).

Sebaliknya, jika kita tidak mempraktikkan Firman Tuhan walaupun kita mempunyai iman sebesar biji sawi setelah menerima Roh Kudus, kita tidak akan dapat mempunyai pengalaman rohani dan hati kita tidak akan diubah tanpa mengira berapa lama kehidupan kita dalam Kristus. Menyedari bahawa dalam keadaan yang paling buruk, kita mungkin kehilangan iman kita dan sepenuhnya jauh daripada iman, saya menggesa setiap daripada anda untuk menyempurnakan iman anda dengan minum darah Anak Manusia.

### 3. Kita Harus Mempunyai Iman dengan Perbuatan untuk Menerima Keselamatan, Hidup yang Kekal, Jawapan, dan Berkat

Jika anda percaya kepada janji-janji Tuhan yang tertulis dalam Alkitab, iman anda pasti akan disertai dengan perbuatan yang sepadan. Katakan seseorang menjanjikan anda harta bernilai berjuta-juta dolar dan meletakkannya di Washington. Dia memberitahu anda bahawa jika anda berjalan ke sana dari New York sejauh 331 kilometer (kira-kira 206 batu) dengan berjalan kaki, anda akan mendapatkannya. Jika anda benar-benar mahu harta itu dan jika orang yang memberikan maklumat kepada anda merupakan orang yang dapat dipercayai, anda akan berjalan dari New York ke Washington.

Atas sebab itu, separuh kedua Yakobus 2:26 mengingatkan kita bahawa “iman tanpa perbuatan adalah iman yang sia-sia.” Ramai orang mengaku dengan mulut mereka, “Saya percaya kepada Tuhan Yang Maha Kuasa” tetapi oleh sebab mereka tidak dapat percaya dengan sepenuhnya, mereka tidak dapat menunjukkan jenis iman yang disertai dengan perbuatan. Sama seperti yang kita temui dalam Firman Tuhan, hanya iman rohani yang disertai perbuatan dapat memberi kita keselamatan serta berkat dan jawapan Tuhan bagi doa kita.

Sesetengah orang memetik ayat Roma 10:13 yang memberitahu kita, “Setiap orang yang berseru kepada Tuhan akan diselamatkan,” untuk berhujah bahawa orang yang hidup dalam dosa juga dapat diselamatkan jika mereka mengaku iman mereka. Mereka cuba untuk membenarkan cara mereka yang berdosa. Namun begitu, ayat khusus ini melambangkan kasih Tuhan yang tidak terbatas yang telah menyelamatkan

orang berdosa melalui Yesus Kristus dan ayat ini tidak boleh digunakan untuk membenarkan orang jahat.

Sebagaimana Firman Tuhan yang sentiasa ada pasangan dan mesti dipasangkan, kita harus melihat setiap ayat di dalam Alkitab mengikut konteks. Hanya tafsiran ayat dalam Alkitab dengan ilham daripada Roh Kudus akan menghasilkan pemahaman yang tepat. Roma 10:9-10 memberitahu kita, “Jika kamu mengaku di hadapan orang bahawa ‘Yesus itu Tuhan,’ dan kamu sungguh-sungguh percaya bahawa Allah sudah membangkitkan Yesus daripada kematian, kamu akan diselamatkan. Kerana kita sungguh-sungguh percaya, kita diterima oleh Allah sebagai orang yang sudah berbaik semula dengan-Nya. Kerana kita mengakui Yesus di hadapan orang, kita diselamatkan.” Roma 10:13 sebenarnya bermaksud bahawa hanya pengakuan daripada mulut orang yang telah mencapai kebenaran akan menghasilkan keselamatan.

Apakah maksud ayat dalam Alkitab yang menyatakan, “Kerana kita sungguh-sungguh percaya, kita diterima oleh Allah sebagai orang yang sudah berbaik semula dengan-Nya”? Kita baca dalam Roma 2:13, “Hal itu demikian, kerana orang berbaik semula dengan Allah, bukan dengan mendengar Taurat, tetapi dengan melakukan apa yang diperintahkan oleh Taurat.” Dalam kata yang lain, jika kita benar-benar percaya dengan hati tentang Firman Tuhan yang kita dengar, kita akan hidup menurut Firman-Nya dan hal ini akan membolehkan kita menjadi orang yang benar yang seterusnya menghasilkan kebenaran.

Saudara dan saudari yang saya kasih dalam Kristus, dengan bersungguh-sungguh makan tubuh dan minum darah Anak Manusia, saya berdoa demi nama Tuhan Yesus Kristus agar anda akan menyenangkan hati Tuhan dengan jenis iman yang disertai oleh perbuatan dan berjaya dalam setiap urusan hidup anda!

## Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan  
 (Poskod: 07056)  
<http://www.manminnews.com/2012/nation/ebooks.asp?nation=mal>  
[www.manminnews.com](http://www.manminnews.com)  
 E-mel: [manminhq@manmin.kr](mailto:manminhq@manmin.kr)  
 Penerbit: Dr. Jaerock Lee  
 Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

## Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Triniti: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui penebusan Yesus Kristus.
4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui “Pengakuan Iman Rasul” pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

## “Sembuh sepenuhnya selepas 56 tahun sembelit!”

Diaken Gihwa Kang

(Usia 76, Paroki ke-12 Gereja Pusat Manmin)

Sejak usia saya awal 20-an, saya mengalami sembelit. Akibat tekanan yang melampau, gejala sembelit kadangkala berlarutan selama 7 atau 15 hari tanpa membuang air besar. Penggunaan enema tidak membantu apa-apa dan membuang air besar merupakan perkara yang sangat menyakitkan bagi saya. Saya telah menderita selama 56 tahun.

Pada 6 Mac 2023, saya telah makan beberapa keping kerak nasi pada waktu pagi. Sangat pelik kerana perut saya mula sakit dan saya berasa mual. Perut saya terasa sangat tidak selesa, dan akhirnya saya muntah berserta cirit-birit. Walau bagaimanapun, saya tetap menghadiri Perjumpaan Doa Nazar Daniel pada hari yang sama dan sedaya upaya untuk berdoa dengan sungguh-sungguh.

Gejala membuang air besar berterusan selama beberapa hari. Saya tiba-tiba sedar bahawa ini mungkin merupakan proses pemulihan sembelit. Selepas itu, sembelit saya hilang secara ajaib dan saya dapat membuang air besar dengan selesa pada setiap hari. Lemak perut saya juga hilang dan berat tubuh saya turun sebanyak 2.5kg. Haleluyah!

Sesuatu yang begitu biasa bagi orang lain tetapi bukan sahaja merupakan kejutan dan keajaiban bagi saya malah juga memberikan saya kegembiraan dan kebahagiaan. Selain itu, saya dahulunya mudah berasa marah akibat mudah berasa tertekan namun kini saya berasa damai dan berbuat baik kepada orang lain dengan mentaati Firman Tuhan.

Saya bergantung kepada Tuhan Triniti dalam doa dan menerima rakaman doa Pastor Kanan Lee untuk orang sakit menerusi telefon pada setiap hari. Hasilnya, pemeriksaan kesihatan yang saya jalani pada 21 Mac menunjukkan keputusan yang lebih baik dan semua organ berfungsi dengan normal. Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan, Bapa kita yang penuh kasih, yang menyembuhkan saya daripada sembelit selama 56 tahun.



## “Sembuh daripada bahu beku, gejala menopaus, dan sakit buku lali!”

Diaken Kanan Jaehee Jung

(Usia 53, Paroki ke-11 Gereja Pusat Manmin)



Pada musim bunga tahun 2022, lengan kanan saya mula terasa sakit. Kesakitan itu bertambah teruk dan saya juga mengalami kesukaran untuk melakukan kerja rumah atau aktiviti yang mudah. Kadangkala kesakitan itu membuatkan saya terjaga ketika sedang tidur. Pihak hospital mendiagnosinya sebagai penyakit bahu beku.

Saya juga mengalami gejala menopaus selama dua bulan. Degupan jantung saya sangat tidak teratur lalu saya menangis sambil memegang dada dengan kerisauan. Kulit saya banyak berdenyut-deniyut seolah-olah terkoyak. Saya mempunyai desakan untuk melarikan diri untuk bebas daripada kesakitan itu.

Namun begitu, saya merasakan bahawa Perjumpaan Doa Nazar Daniel dan Perjumpaan Kesembuhan Ilahi akan menjadi peluang untuk saya menerima kesembuhan. Saya mencuba sedaya upaya untuk menyenangkan hati Tuhan lalu Dia mencerahkan rahmat ke atas saya seperti air terjun.

Pada 9 Mei 2022, saya berdoa dengan sungguh-sungguh dalam Perjumpaan Doa Nazar Daniel lalu merenungkan diri saya. Saya bertaubat kerana mempunyai perasaan tidak baik terhadap seseorang. Pada masa itu, saya telah lapan bulan mengalami sakit buku lali dan kesukaran untuk berjalan. Walau bagaimanapun, saya dengan gembira membersihkan gereja pada 26 Mei. Kemudian, saya mendapati bahawa kesakitan itu telah hilang dengan sepenuhnya.

Keesokan harinya, pada 27 Mei, saya mengambil bahagian dalam Perjumpaan Kesembuhan Ilahi menerusi GCN. Apabila Pemangku Pastor Kanan Soojin Lee memberitahu kita untuk mengasihi sekalipun musuh kita dalam khutbahnya, saya dapat bertaubat dengan sepenuhnya. Sewaktu pujian dan penyembahan, saya menggerakkan lengan saya dan mendapati bahawa lengan kanan saya dapat digerakkan tanpa sebarang kesakitan. Kerisauan hilang dan hati saya berasa tenteram. Haleluyah!

Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa yang memberi kita perkara yang terbaik menurut kasih dan keadilan-Nya, Tuhan Yesus yang menyembuhkan kita dengan darah-Nya, dan Roh Kudus yang memimpin kita ke jalan berkat dan jawapan.



Dajana sembah sepenuhnya selepas menerima doa

## **“Kuasa doa menyembuhkan kecacatan muka kongenital anak perempuan saya!”**

**Martha Armaza**

(Usia 40, Gereja Manmin Panamericano di Venezuela)

Dahulu saya mudah berasa amarah walaupun atas perkara yang remeh. Namun begitu, saya mula berubah, berasa lebih gembira dan damai selepas saya mendengar injil kesucian dan berdoa dengan sungguh-sungguh dalam Perjumpaan Doa Daniel. Melalui kuasa doa, saya sembah daripada sakit perut, sakit kepala dan pening. Saya kini hidup dalam keadaan sihat. Dengan ini, suami saya yang sebelum ini tidak percaya kepada Tuhan telah menerima Tuhan Yesus. Keluarga saya mengalami banyak jawapan daripada Tuhan.

Dajana, anak perempuan bongsu kesayangan saya, dilahirkan dengan kecacatan muka. Saya amat terkejut apabila melihat bahagian kanan mukanya kemik dan satu matanya tersembul ketika saya melahirkannya. Sebelum saya hamil, saya menjalani pembedahan yang memerlukan saya untuk memakai pemampat sebagai sebahagian daripada proses pemulihan. Saya berterusan menggunakan pemampat di dalam pakaian dalam saya semasa saya hamil tanpa mengetahui bahawa perkara ini akan menimbulkan masalah.

Selepas Pastor David Jang berdoa untuknya dengan sapu tangan kuasa Tuhan (Kisah Rasul-rasul 19:11-12), Dajana sembah dengan sepenuhnya daripada kecacatan muka kongenital dan matanya kembali normal. Kini, dia membesar dengan baik dalam rahmat Tuhan dan merupakan anggota kumpulan tarian penyembahan di gereja. Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan kita yang pengasih yang telah memimpin kami kepada berkat dan jawapan.



Martha Armaza (ketiga dari kanan) dan keluarganya